

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

NOVEMBER 2009

Adalah disyorkan bahawa Projek Penyelidikan ini disediakan

Oleh

NORISHAH BTE MUHAMMAD

bertajuk

**LAPORAN CADANGAN REKABENTUK RUANG DALAMAN GALERI RISDA, JOHOR,
PTB 12328, JALAN RADI MURNI, BANDAR BARU UDA, KARUNG BERKUNCI 797, 81200 JOHOR BAHRU,**

diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperoleh Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan

:

 (2.11.09)

En Anwarul Munazil B. Ahmad Puaad

Koordinator Kursus

:

Pn. Azizah Binti Md Ajis

Koordinator Program

:

Prof. Madya Dr. Mohd Sabrizaa B. Abdul Rashid

ABSTRAK

Sepanjang tempoh menyiapkan laporan tesis ini, banyak perkara yang perlu dititikberatkan dan dikaji dalam menyiapkan projek Galeri RISDA, Johor ini yang beralamat di PTB 12328, Jalan Padi Murni, Bandar Baru Uda, Karung Berkunci 797, 81200 Johor Bahru, Johor Darul Takzim. Antaranya, pada struktur asal bangunan dan dibandingkan dengan *drawing* serta ukurannya, kehendak klien, kos projek, *design concept* yang dipersembahkan, bahan *material* yang bersesuaian dengan konsep dan pada struktur bangunan tersebut serta lain lagi. Kajian ini bertujuan supaya pelajar dapat mengenalpasti isu-isu serta masalah yang timbul sepanjang kajian dijalankan dan melatih pelajar supaya berusaha mencari jalan penyelesaian bagi setiap isu-isu dan masalah tersebut. Selain itu, pelajar juga dapat menimba pengalaman dan pengetahuan baru. Pelbagai kaedah turut digunakan dalam menyiapkan laporan ini. Antaranya ialah kaedah pemerhatian, matlamat kajian, objektif, pemilihan tapak, analisa tapak dan analisa bangunan di mana ia merupakan kaedah penting untuk mengenal pasti setiap permasalahan yang ada. Objektif bagi projek galeri ini adalah untuk menghasilkan satu rekabentuk yang berimejkan moden dan mampu menarik perhatian para pengunjung serta membuat satu konsep baru bagi merekabentuk dalaman sebuah galeri untuk Pejabat RISDA Negeri Johor. Selain itu, untuk mewujudkan laluan yang bagus (*good flow*) di dalam galeri tersebut di mana ia memberi kemudahan kepada pelawat untuk memperoleh pengetahuan. Walau bagaimanapun, untuk menghasilkan sebuah galeri yang bagus, beberapa kajian kes harus dijalankan bagi mengetahui setiap peralatan dan keperluan yang terdapat di sesebuah galeri. Kesimpulannya, disebabkan bangunan RISDA, Johor ini tidak mempunyai galeri untuk mempamerkan segala bentuk dan aktiviti yang berkaitan mengenai RISDA, maka dengan wujudnya galeri RISDA, Johor ini, setiap pengunjung yang datang akan dapat melawati serta memperoleh pengetahuan yang berkaitan agar mereka tahu apa makna RISDA sebenarnya.

Abstrak	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii-v
Senarai Rajah	vi
Senarai Jadual	vi
Senarai Singkat Kata	vii
Senarai Gambar	viii-ix

KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 1.0	PENDAHULUAN	1
1.1	PENGENALAN	1-2
1.2	METODOLOGI KAJIAN	3-4
1.3	MATLAMAT KAJIAN	5
1.4	OBJEKTIF KAJIAN	5
1.5	SKOP KAJIAN	6-7
1.6	HALANGAN KAJIAN	8
1.7	KEPENTINGAN KAJIAN	8
BAB 2.0	KLIEN	9
2.1	LATAR BELAKANG	9-10
2.2	SEJARAH PENUBUHAN RISDA	11-12
2.3	CARTA ORGANISASI	13
2.4	FUNGSI KLIEN	14
2.5	IMEJ KORPORAT KLIEN	15
2.5	PENTADBIRAN	16
2.6	PIAGAM KORPORAT	17
2.7	MODEL BISNES	18-21

BAB 3.0	KAJIAN TAPAK PROJEK	22
3.1	PEMILIHAN TAPAK	22-26
3.2	ANALISA TAPAK	27-33
3.3	ANALISA BANGUNAN SEDIA ADA	34-44
3.4	RUMUSAN	41
BAB 4.0	KAJIAN KES	42
4.1	KAJIAN KES 1	43-52
4.2	KAJIAN KES 2	53-57
4.3	KAJIAN KES 3	58-62
4.4	KAJIAN KES 4	63-69
4.5	RUMUSAN KAJIAN KES	70-71
BAB 5.0	PROJEK	72
5.1	PENGENALAN PROJEK	72
5.2	KEHENDAK KLIEN	73-77
5.3	SKOP KERJA	78-80
5.4	RUMUSAN	81
BAB 6.0	CADANGAN REKABENTUK	82
6.1	PENGENALAN	82
6.2	OBJEKTIF REKABENTUK	82
6.3	CADANGAN KONSEP REKABENTUK	83-84
6.4	CADANGAN PEMILIHAN IMEJ DALAM RUANG REKABENTUK	85-86
6.5	CADANGAN KEPERLUAN RUANG DAN FUNGSI SETIAP RUANG	87-89

BAB 1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Rekabentuk dalaman merupakan satu skim reka bentuk yang memerlukan kajian dan pemerhatian terhadap sesuatu permasalahan. Ia juga memerlukan beberapa proses dan teknik untuk menghasilkan suatu rekabentuk yang menepati syarat dalam merekabentuk sesuatu ruang. Laporan ini merupakan laporan cadangan merekabentuk bagi Galeri RISDA, Johor untuk projek akhir Diploma Senibina Rekabentuk Dalaman. Kepentingan projek ini adalah untuk memberikan satu cadangan rekabentuk dalaman yang baru dalam menghasilkan sebuah galeri yang berteraskan masyarakat pekebun kecil, Visi galeri RISDA, Johor adalah untuk menjadikan galeri ini sebagai tempat, untuk mendapatkan informasi tentang aktiviti-aktiviti yang dilalui oleh RISDA daripada peringkat awal penubuhannya, perkembangan teknologi penanaman getah, pendidikan anak-anak pekebun kecil, kegiatan kemasyarakatan dan sosial melalui aktiviti pekebun kecil, pemasaran getah secara berkumpulan, aktiviti latihan secara formal untuk pekebun kecil serta aktiviti lawatan tokoh-tokoh dan pemimpin ke RISDA. Objektif projek Galeri RISDA ini adalah memastikan visi tercapai dengan lancar. Dengan wujudnya galeri ini masyarakat lebih mengenali serta berpeluang merasai suasana di sebuah kebun getah serta alat-alat dalam pemrosesan getah.

RISDA adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan dibawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) yang ditubuhkan pada 1 Januari 1973 dibawah kuasa yang diluluskan oleh Parlimen:

1. Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Akta 85 tahun 1972)
2. Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) 1952